

02 AUG 2000
MAHATHIR-SKIM/I
SEKTOR PERUNCITAN BUMI DIPERTINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan satu skim khas untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan runcit.

Skim itu dikenali sebagai Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER) menggabungkan pelbagai aspek berasaskan penyelarasan dan bersepadu dengan matlamat mempermudah penyertaan Bumiputera dalam perniagaan runcit.

Aspek-aspek itu termasuk adanya tempat-tempat, modal, pinjaman, peluang-peluang perniagaan, perakaunan dan pengurusan tunai, calon-calon yang layak, latihan dan penyelarasan skim, Pejabat Perdana Menteri mengumumkan di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Keseluruhan skim itu sedang diselaraskan oleh satu Pasukan Petugas yang diketuai oleh Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, penasihat khas kepada Perdana Menteri.

Pasukan Petugas itu telah menubuhkan sebuah sekretariat sepenuh masa di Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) untuk menjadi sebuah pusat sehenti.

"Adalah penting bahawa semua pihak menyumbang kepada kejayaan skim ini. Penyertaan cergas Bumiputera di dalam sektor peruncitan adalah perlu, bukan sahaja daripada sudut pandangan ekonomi, tetapi juga dalam konteks kestabilan sosio-politik jangka panjang negara," Pejabat Perdana Menteri berkata.

Kenyataan itu menjelaskan salah satu halangan utama yang bakal-bakal peniaga Bumiputera terpaksa hadapi pada masa lalu ialah mencari tempat-tempat yang sesuai dan termampu.

Memandangkan kos harta yang tinggi di lokasi-lokasi tertentu atau sewaan yang tinggi, para peniaga Bumiputera dalam banyak hal tidak dapat memperoleh tempat-tempat yang sesuai untuk perniagaan mereka.

Di bawah PROSPER, isu tempat tidak lagi menjadi masalah kerana sebuah syarikat TPPT Sdn Bhd, yang dimiliki Bank Negara Malaysia dan beberapa bank perdagangan, akan membeli hartanah dan menyewakannya kepada peniaga-peniaga Bumiputera.

Sewaan itu adalah pada asas termampu, mulai dengan kadar sewaan yang rendah dan akan meningkatkannya sewajarnya mengikut masa apabila perniagaan itu berkembang.

Peniaga-peniaga Bumiputera itu akan mempunyai pilihan untuk membeli hartanah itu daripada TPPT, dengan pembiayaan bagi pembelian hartanah itu dibiayai melalui terbitan bon-bon melalui pensekurutan.

Sebilangan hartanah runcitan telahpun dikenal pasti. Sebuah panel penasihat telah ditubuhkan untuk mengenal pasti lokasi-lokasi perniagaan yang berdaya maju dan unit-unit runcitan di seluruh negara, menurut kenyataan itu.

Mengenai adanya modal yang telah menyekat penyertaan aktif Bumiputera di sektor peruncitan, ia kini akan diselesaikan melalui satu mekanisme sokongan ekuiti daripada PUNB menggunakan prinsip Islam iaitu musyarakah mutanaqish (perkongsian dengan penyertaan menurun).

Beralih kepada pinjaman, satu skim khas dikenali sebagai Skim Jaminan Fleksi (FGS) telah dirangka oleh Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) bagi memastikan kelulusan dan pembayaran cepat pinjaman-pinjaman dan juga membolehkan CGC untuk menjamin di antara 30-100 peratus daripada pinjaman itu.

Institusi-institusi perbankan oleh itu boleh mengambil keputusan

mengenai sebesar mana risiko yang mereka mahu ambil bagi pembiayaan itu.

Lebih tinggi risiko diambil oleh institusi perbankan, lebih tinggilah pembahagian yuran pembiayaan mereka.

Kedua-dua perniagaan francais dan juga perniagaan bukan francais akan termasuk di bawah PROSPER.

Bagi tujuan itu, satu siri perjumpaan dan perbincangan sedang diadakan dengan pemilik francais untuk mendapatkan peluang-peluang francais yang berdaya maju bagi penyertaan Bumiputera di dalam skim itu.

Sebilangan pemilik francais telah bersetuju untuk memberikan galakan khas bagi projek ini. Ruang lingkup perniagaan akan termasuk barangan dan juga perkhidmatan.

Beberapa contoh perniagaan runcit yang ditetapkan di bawah PROSPER termasuk pasar mini, barangan elektrik, farmasi, makanan (termasuk roti/kek), telekomunikasi/teknologi maklumat, kedai cenderahati, perabot, buku/majalah, bekalan pejabat/alatulis, bingkai gambar/jam tangan/jam dinding, pakaian dan tekstil, bahan-bahan pembinaan dan binaan, kios petrol, hak pengedaran kereta/motosikal dan bengkel membaiki kereta.

Di bawah PROSPER, pengurusan perakaunan dan aliran tunai akan pada peringkat permulaannya dilaksanakan oleh PUNB, melalui panel akauntannya, agar para peniaga Bumiputera boleh menumpukan kepada aspek-aspek perniagaan dan pemasaran usaha itu.

Natijahnya, apabila perniagaan berkembang dan para peniaga Bumiputera memperoleh kepakaran dalam operasi perakaunan dan aliran tunai, mereka akan mengambil alih tugas itu daripada PUNB.

Kenyataan itu berkata bahawa satu kajian kes-kes penyertaan Bumiputera sebelum ini dalam sektor peruncitan telah mendedahkan bahawa sebab utama kegagalan ialah kekurangan kepakaran dalam perakaunan dan pengurusan aliran tunai.

Skim PROSPER adalah terbuka kepada semua Bumiputera yang berminat dalam menyertai sektor peruncitan dan sanggup bekerja sepenuh masa di dalam perniagaan itu.

Kumpulan sasaran penting bagi skim ini ialah bekas tentera, pegawai dan juga berpangkat dan anggota biasa.

Anggota-anggota tentera yang akan bersara di dalam kategori pegawai telah diberi taklimat oleh Perdana Menteri sendiri mengenai peluang-peluang yang boleh diperolehi.

Dalam kes bekas tentera berpangkat dan anggota biasa, PERHEBAT, anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), beberapa tahun lalu telah memberikan latihan dalam pelbagai bidang seperti rekaan logam, mengendali bengkel kereta, elektronik dan elektrik, fotografi, peruncitan, teknologi maklumat dan industri makanan.

Bekas-bekas tentera itu dengan latihan seumpamanya akan dapat menyertai di dalam skim ini dengan bergabung sesama sendiri, mungkin dalam pasukan tiga atau empat orang, dan mengambil kedai runcitan untuk mengadakan perkhidmatan yang mereka terlatih.

Peniaga-peniaga Bumiputera, yang telahpun di dalam sektor peruncitan sekarang, tetapi ingin meluaskan perniagaan mereka, juga layak.

Peniaga-peniaga Bumiputera yang kini menyewa premis dan ingin mendapat faedah daripada mekanisme sewa untuk milik juga boleh menyertai skim itu.

Bagi mempertingkatkan lagi kepakaran Bumiputera dalam sektor peruncitan, satu sistem latihan yang terselaraskan mengenai semua aspek akan diadakan kepada peniaga-peniaga yang layak melalui Institut Bank di Malaysia mengenai aspek-aspek kewangan, PUNB mengenai aspek-aspek perniagaan dan pemasaran, PERHEBAT mengenai aspek-aspek teknikal dan Persatuan Pemilik Francais Malaysia (MFA) mengenai aspek-aspek tertentu setiap francais.

Peniaga-peniaga Bumiputera yang berminat menyertai skim ini dan juga

pemilik-pemilik francais yang berminat menyertai boleh menghubungi Encik Mohd Nor Shazali Idris atau Puan Rohana Ibrahim di Perbadanan Usahawan Nasional Bhd, Tingkat 18, Wisma UOA II, no 21, Jalan Pinang, 50450, KL atau Tel no: 03-21632066 samb. 708/611/201, Faks no 03-21646989 atau 03-21632212.

Alamat-alamat e-mel mereka adalah di: mohdnor_shazali@punb.com.my dan rohana_ibrahim@punb.com.my.

-- BERNAMA

MR OS MA